

BANDARAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2021 DATUK BANDAR MBSJ

Majlis Mengangkat
Sumpah dan
Menandatangani
Watikah Perlantikan
Ahli Majlis MBSJ
2021-2022



f Majlis Bandaraya Subang Jaya
sjcitycouncil
sjcitycouncil
majlisbandarayasubangjaya



ISI KANDUNGAN



- 03** PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2021
DATUK BANDAR MBSJ
- 04** MELAKSANAKAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DI BAWAH KAWASAN
PENTADBIRAN MBSJ
- 06** MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH DAN
MENANDATANGANI WATIKAH PERLANTIKAN
AHLI MAJLIS MBSJ 2021-2022
- 07** WARNA-WARNI KOMUNITI AKTIVITI SEPANJANG
BULAN JANUARI
- 08** DATARAN PENJAJA PUCHONG PERMAI
DILANCAR, INISIATIF MBSJ MEMBANTU PENJAJA
- 09** E-BIL CUKAI MBSJ, AKSES MASYARAKAT UNTUK
MENDAPATKAN BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA
ATAS TALIAN
- 10** GALAK MASYARAKAT CINTAI ALAM SEKITAR
MBSJ PERKENAL MESIN KITAR SEMULA DAN
TRANSIT MINYAK MASAK TERPAKAI
- 11** MBSJ IKTIRAF JASA KOMUNITI, ANJUR
ANUGERAH SUBANG JAYA GEMILANG BERSAMA
(ASJGB) 2020/2021

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

YBhg. TPr. Noraini binti Roslan S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali
A.M.N., A.M.S
Setiausaha Perbandaran
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah (Kanan)
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Saharani binti Ismail

PEREKA GRAFIK:

Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrolzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

Perutusan Tahun Baharu DATUK BANDAR MBSJ 2021



Assalamualaikum Wrt Wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, tahun 2020 telah melabuhkan tirainya. Sesungguhnya 2020 merupakan tahun yang amat mencabar dan tidak pernah dijangka oleh sesiapa pun.

Seluruh dunia telah dilanda dengan pandemik Covid-19 yang memberikan impak besar dan norma baharu kepada semua peringkat usia dan tiada yang terkecuali dari dugaan ini. Namun, kita tidak mampu untuk berkurung dalam tempoh yang lama di mana ekonomi perlu digerakkan, tanggungjawab perlu dilaksanakan, kehidupan sosial perlu disambung dan kehidupan perlu diteruskan. Masyarakat perlu bersedia dan menerima hakikat bahawa pandemik Covid-19 ini akan terus berlegar sehingga vaksin dan rawatan khusus di temui.

Dalam tempoh ini, masyarakat seharusnya telah mencapai keadaan komuniti yang mengawal sendiri tindak-tanduk mereka (*self-regulation*) dengan menjalankan pematuhan sendiri, di mana setiap individu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kemenangan pada pengakhiran perjuangan ini #kitajagakita.

Tentunya 'ada hikmah di sebalik setiap ujian yang kita lalui', pada tahun kita diduga, Allah turut memakbulkan doa kita semua di mana pada tahun 2021 bandar Subang Jaya ini buat pertama kalinya menyambut tahun baru sebagai sebuah bandaraya.

Kemunculan tahun yang baru adalah masa untuk kita bermuhasabah dan menetapkan semula perjalanan hidup kita dengan merenung kembali segala pencapaian, kejayaan serta nikmat yang telah dikecapi. Pengalaman seharusnya menjadikan kita insan yang lebih bersyukur dan yang lebih matang serta berpandangan jauh.

Dengan status bandaraya ini, tahun 2021 akan menjadi tahun yang lebih mencabar, ditambah dengan wabak pandemik dan ekonomi yang tidak stabil. Jentera MBSJ perlu bekerja dengan lebih kuat dalam memastikan urus tadbir sentiasa mencapai ekspektasi melalui pertumbuhan perbandaran yang berterusan. Hasrat kita mahu menjadikan MBSJ bukan PBT yang biasa-biasa sahaja tetapi luar biasa dan gemilang dalam tempoh yang mencabar ini.

Segenap ruang dan peluang penambahbaikan perlu segera dilaksanakan. Cara kerja perlu sentiasa diaudit bagi tujuan menambahbaik perkhidmatan perbandaran dan kemudahan yang disediakan terutama perkara asas seperti sampah, lampu, longkang dan jalan.

Walaupun pelbagai ujian dan rintangan yang perlu dihadapi, warga kerja MBSJ tidak akan berputus asa dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Sikap dan cara berfikir dalam kalangan jentera harus selari dengan kepercayaan yang telah diberikan terutama dalam peningkatan profesionalisme dan kualiti perkhidmatan.

Seluruh warga Subang Jaya diharapkan agar terus bekerjasama dengan jentera pentadbiran majlis ini dalam memastikan bandaraya berada dalam keadaan yang baik selain menerapkan sikap kepunyaan dengan melihat bandaraya ini sebagai bandar milik tuan/puan semua untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

Bajet 2021 telah digubal dengan mengambil kira kehendak penduduk yang kita perolehi melalui beberapa siri perjumpaan seperti dialog bajet dan 'wish list' penduduk. Walau tiada kenaikan cukai bagi tahun 2021, MBSJ telah memperuntukan sebanyak RM 3 juta untuk penduduk dan komuniti menentukan projek/program yang ingin dilaksanakan di kawasan MBSJ pada tahun 2021 mengikut keutamaan. Fokus MBSJ pada tahun 2021 adalah untuk menjadikan MBSJ sebagai sebuah bandaraya mampan berlandaskan kepada pelan tindakan yang telah disediakan.

Akhir kata, semoga bandaraya ini akan terus makmur dan sejahtera disamping memerangi wabak pandemik ini. Bersama kita realisasikan impian ini, 'SUBANG JAYA GEMILANG BERSAMA'

YBhg. TPr. NORAINI BINTI ROSLAN S.I.S, P.P.T
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya



Melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di Bawah Kawasan Pentadbiran MBSJ



Peningkatan kes wabak Covid-19 yang semakin meruncing telah menyebabkan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan PKP 2.0 di beberapa lokasi termasuklah Negeri Selangor bermula 13 Januari 2021 yang lalu. Selaras dengan pengumuman tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengambil tindakan proaktif dengan mengambil beberapa pendekatan dalam usaha mengekang penularan wabak Covid -19 ini.

YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ memaklumkan, MBSJ lebih bersedia kali ini dengan pelaksanaan perintah PKP 2.0 namun sebagai langkah keselamatan, MBSJ telah menutup beberapa premis milik MBSJ.

“Di antara premis yang ditutup adalah seperti Mahkamah Munisipal MBSJ, Dewan Serbaguna, Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan(3K),

Perpustakaan Hipermedia, Pusat Perkembangan Kanak-kanak dan Komuniti (3C) serta Stadium Serdang Jaya. Namun, kali ini ianya agak berbeza kerana ibu pejabat MBSJ masih beroperasi” katanya.

Mengulas lanjut mengenai pengoperasian di Ibu Pejabat MBSJ semasa tempoh PKP 2.0, beliau menjelaskan orang ramai masih boleh membuat urusan di Ibu pejabat MBSJ namun terdapat prosedur yang perlu dipatuhi oleh pelanggan yang hadir berurusan dengan MBSJ.

“Pelanggan yang mempunyai urusan penting digalakkan untuk membuat temujanji secara atas talian sebelum hadir ke MBSJ bagi memastikan kawalan pergerakan dipatuhi dan pada masa yang sama mengurangkan kontak secara bersemuka. E-Temujanji boleh diakses di laman sesawang MBSJ bagi membuat temujanji bersama jabatan seperti

Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan”.

Beliau juga menjelaskan, selain meneruskan perkhidmatan asas MBSJ seperti kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah, MBSJ turut memainkan peranan yang penting dalam menjayakan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 ini.

“MBSJ berperanan dalam menguatkuasakan segala perintah yang ditetapkan seperti pemantauan larangan pengoperasian premis perniagaan yang tidak dibenarkan, larangan penggunaan peralatan permainan di semua taman awam milik MBSJ, pemantauan kilang-kilang yang diberikan kelulusan bersyarat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), pemantauan pematuhan arahan SOP di hotel-hotel serta membuat hebahan informasi berkaitan pelaksanaan PKP 2.0 yang diperolehi daripada Majlis



Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan Negeri Selangor dari masa ke semasa”.

Dari aspek kebersihan pula, pihak MBSJ amat menekankan sanitasi serta disinfeksi di premis-premis milik MBSJ bagi memastikan keselamatan serta kebersihan premis.

“MBSJ turut melaksanakan aktiviti disinfeksi di premis-premis milik MBSJ seperti di kawasan Pasar dan Tandas Awam MBSJ selepas aktiviti pembersihan dijalankan. Kami juga turut melakukan sanitasi dan disinfeksi secara berkala di Ibu Pejabat MBSJ serta pejabat cawangan dalam usaha membendung wabak Covid-19 ini.”

Ditanya mengenai Pengoperasian Pusat Kawalan (Command Centre) MBSJ, beliau menjelaskan ianya tetap beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP bermula dari jam 8.00 pagi sehingga jam 11.00 malam. Pusat

Kawalan ini berfungsi sebagai Pusat Panggilan bagi menerima aduan dan pertanyaan daripada orang ramai.

“Pusat Kawalan (*Command Centre*) ini menjadi mata dan telinga pihak MBSJ dalam memantau keseluruhan kawasan pentadbiran melalui CCTV yang dipasang di seluruh kawasan MBSJ dan maklumat-maklumat daripada anggota di lapangan. Bagi kes-kes kecemasan dan bencana, Pusat Kawalan berfungsi untuk menyelaraskan arahan-arahan dan bantuan kepada anggota di lapangan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan MBSJ dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien”.katanya.

YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ menyeru agar semua lapisan masyarakat dapat memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan kali ini.

“Saya mengharapkan agar semua lapisan masyarakat dapat memainkan peranan di dalam memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19 agar kita dapat menjalani kehidupan seperti sediakala. Usaha ini merupakan usaha yang berterusan dan diharapkan orang ramai dapat mengadaptasi norma baru di dalam kehidupan mereka”.

Sebagai makluman, MBSJ telah mempelbagaikan perkhidmatan secara atas talian bagi mengurangkan kehadiran orang ramai ke Ibu Pejabat MBSJ. Di antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti Pembayaran Kampaun dan Bil Pelbagai, Tempahan Dewan dan Kemudahan Awam, Pembayaran Cukai Taksiran serta Penyerahan Pelan secara atas talian. Orang ramai yang ingin mengetahui maklumat lanjut dan informasi terkini mengenai MBSJ, boleh melayari laman sesawang MBSJ di www.mbsj.gov.my.

JANUARI 2021

MPSJ
OPTIMUM KAJI
INTEGRITI
BERTERAS A I
ANTIRASUAH

Islamul Dakwah

Dasar 5
1. Berkeadilan
2. Berdaya
3. Berprestasi
4. Berkeadilan
5. Berkeadilan
Keselamatan kesihatan
Kualiti, produktiviti
persekitaran inovasi
dan imej

MAJLIS MENGGANGKAT SUMPAAH DAN MENANDATANGANI WATIKAH PERLANTIKAN AHLI MAJLIS MBSJ 2021-2022



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbesar hati menerima 6 muka baru sebagai Ahli Majlis MBSJ bagi Sesi 1 Januari 2021 – 31 Disember 2022 dalam Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan Ahli Majlis MBSJ pada 6 Januari 2021 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.

Kesemua Ahli Majlis yang baru telah mengangkat sumpah dan membuat ikrar integriti di hadapan YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar

MBSJ. Turut serta di majlis tersebut, YBrs. Tuan Haji Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Enam Ahli Majlis baru tersebut adalah Encik Teh Eng Teck (DAP), Puan Nor Liyana Yahaya (PKR), Encik Kenneth Sam Saminathan (PKR), Jestin Raj Savarimuthu (PKR), Encik Mohamad Kamil Bin Harun (Amanah) dan Encik Jaafar Mat Akid (Amanah).

Seramai 13 orang Ahli Majlis sesi terdahulu telah dilantik semula dan telah mengangkat sumpah dalam majlis yang sama.

MBSJ ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik dan semoga dapat menjalankan tugas dengan penuh komited dan berintegriti.



Sekitar Majlis Angkat Sumpah dan penyerahan watikah perlantikan kepada Ahli Majlis MBSJ sesi 2021-2022.



YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ menyerahkan watikah perlantikan sebagai Ahli Majlis sesi 2021-2022 kepada Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim sambil disaksikan Tn. Hj. Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ

Warna-Warni KOMUNITI



MPP
ZON 4



10 Jan 2021 (Ahad)
Serahan Sanitizer kepada Bomba
Balai Bomba Subang Jaya

MPP
ZON 4



12 Jan 2021 (Selasa)
Menanam 43 Pokok
Hutan Bandar, USJ 3C

MPP
ZON 4



18 Jan 2021 (Isnin)
Program Pangsapuri Angkat: Sumbangan Baju Sekolah
Tingkat 1 Blok D, Pangsapuri Angsana

MPP
ZON 12



10 Jan 2021 (Ahad)
Edaran Barang Keperluan Asas untuk Asnaf
Sekitaran Zon 12 MBSJ

MPP
ZON 12



28 Jan 2021 (Khamis)
Edaran Makanan Asas Kepada Penduduk Kg Bersatu/Kg Sri Aman
Kawasan Kg. Bersatu/Kg. Sri Aman

MPP
ZON 13



19 Jan 2021 (Selasa)
Proses Sanitasi Blok C-K Pangsa Perdana
Pangsa Perdana, Taman Puchong Perdana

MPP
ZON 13



27 Jan 2021 (Rabu)
Sumbangan Sayur (Timun)
Pangsa Perdana, Taman Puchong Perdana

MPP
ZON 14



8 Jan 2021 (Jumaat)
Sumbangan Beg Sekolah
Pangsapuri Teratai/Lotus, Taman Puchong Prima

MPP
ZON 14



24 Jan 2021 (Ahad)
Sumbangan Beras Semasa PKP
Pangsapuri Melor, Puchong Prima

MPP
ZON 15



24 Jan 2021 (Ahad)
Sumbangan Peduli Asnaf: Pek Makanan Asas
Pangsapuri Puchong Utama Court 1

Dataran Penjaja Puchong Permai Dilancar, INISIATIF MBSJ MEMBANTU PENJAJA



Sistematik dan berpusat. Itu situasi yang dapat dilihat apabila MBSJ telah mengambil inisiatif memindahkan penjaja di Bulatan Puchong Permai ke Dataran Penjaja Puchong Permai dalam satu Majlis Perasmian Dataran Penjaja Puchong Permai pada 17 Januari 2021 yang lalu.

YBhg TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ memaklumkan pelancaran Dataran Penjaja ini dilakukan selaras dengan penaiktarafan MBSJ menjadi bandaraya di samping membantu golongan penjaja mendapatkan tapak perniagaan yang lebih kondusif.

“Apabila kita telah menjadi bandaraya di sebuah negeri yang maju di Malaysia, dan di dalam Negara Malaysia yang menginginkan tahap

kehidupan itu lebih tinggi, kita harus mengisi makna kepada bandaraya itu, dan inilah matlamat pembinaan, penubuhan dataran niaga ini supaya kita dapat meningkatkan tahap, kualiti dan standard kepada peniaga-peniaga yang selama ini berniaga yang pada asalnya berniaga di lokasi yang tidak sesuai untuk berniaga. Bagaimana di sebuah bandaraya yang besar yang terutama di Malaysia ini masih lagi mempunyai peniaga-peniaga yang berniaga di tempat-tempat sebegini. Kalau kita lihat negara-negara maju yang lain, untuk berniaga ada tempat yang khusus.” katanya.

Mengulas lanjut mengenai Dataran Penjaja tersebut, beliau menjelaskan Dataran Penjaja Puchong Permai ini telah mula dibina sejak 1 Julai 2020 yang lalu melibatkan kos sebanyak RM 280,230.00. Ia dilengkapi

dengan struktur berbumbung dan boleh memuatkan lot tapak penjaja bersaiz 10x10 kaki setiap satu lot bagi membolehkan urusan jual beli dilaksanakan dengan selesa. MBSJ juga turut menyediakan kemudahan kiosk bersaiz 6x3 kaki sebagai kemudahan kepada penjaja. Dataran Penjaja ini juga mempunyai kemudahan taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta yang luas bagi menyenangkan pengunjung memakir kenderaan dengan selamat dan selesa.

Adalah diharapkan, agar penjaja yang dipindahkan ke Dataran Penjaja Puchong Permai ini dapat memanfaatkan kemudahan yang diberikan dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas dan aduan yang berlaku di kawasan Bulatan Puchong Permai.

“Saya juga menyeru para penjaja untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap mereka” katanya.



e-Bil Cukai

BERMULA PADA 2021



BANDAR
PINTAR



JOM DAFTAR Ahli My@MBSJ

IMBAS QR CODE

atau layari

www.mbsj.gov.my

Sebarang masalah
atau pertanyaan
lanjut sila hubungi:
portal.helpdesk@mbsj.gov.my

Majlis Bandaraya Subang Jaya

[sjcitycouncil](https://twitter.com/sjcitycouncil)

www.mbsj.gov.my

E-Bil Cukai MBSJ, Akses Masyarakat Untuk Mendapatkan **Bil Cukai** **Taksiran Secara Atas Talian**



Bermula pada tahun 2021, tiada lagi pengeposan bil cukai taksiran kepada penduduk Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam usaha menjadi Bandar Hijau menjelang tahun 2030.

Ianya dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada penduduk di pentadbiran MBSJ mendapatkan bil mereka secara atas talian serta dapat mengurangkan kes penduduk tidak mendapat bil cukai taksiran mereka.

Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Hasil MBSJ menjelaskan, terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan sebelum penduduk boleh mencetak bil cukai taksiran mereka secara atas talian.

"Mereka perlu mendaftar sebagai Ahli MY@MBSJ sebelum mendapatkan perkhidmatan tersebut. Mereka boleh melayari www.mbsj.gov.my



Puan Hj. Sharifah Rohaida binti Abdul Rahman
Pengarah Jabatan Hasil MBSJ

untuk melihat tatacara menjadi Ahli MY@MBSJ atau mengimbas QR Kod khas yang disediakan untuk capaian lebih pantas,"katanya.

Beliau juga menambah, terdapat pelbagai kelebihan lain yang boleh didapati hasil mendaftar sebagai Ahli MY@MBSJ.

"Mereka boleh menerima informasi terkini, melaksanakan pelbagai urusan MBSJ (semakan ataupun bayaran cukai/lesen/kompaun), mencetak resit/lesen/bil serta

“ Mereka boleh menerima informasi terkini, melaksanakan pelbagai urusan MBSJ (semakan ataupun bayaran cukai/lesen/kompaun), mencetak resit/lesen/bil serta mengakses dan menyimpan sejarah transaksi bayaran ” ”

mengakses dan menyimpan sejarah transaksi bayaran” katanya.

Sebagai makluman, MBSJ sebelum ini telah mengamalkan mekanisme penghantaran bil cukai taksiran kepada penduduk, namun mekanisme E-Bil telah diperkenalkan pada tahun ini sebagai inovasi penghantaran bil kepada penduduk menggantikan kaedah lama.

Galak Masyarakat Cintai Alam Sekitar

MBSJ PERKENAL MESIN KITAR SEMULA DAN TRANSIT MINYAK MASAK TERPAKAI



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah memperkenalkan 2 inovasi hijau iaitu Mesin Kitar Semula "Reverse Vending" dan Depoh Mini dan Transit Minyak Masak terpakai. Inovasi ini diwujudkan bagi menggalakkan masyarakat mencintai alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula dan bagi menarik minat orang ramai, MBSJ juga menawarkan ganjaran kepada mereka yang menyumbang barangan kitar semula tersebut.

Terletak di Lobi Ibu pejabat MBSJ, orang ramai boleh menggunakan Mesin "Reverse Vending" bagi tujuan kitar semula bermula jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam.

Puan Azura binti Mohd Don, Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ memaklumkan, mesin "Reverse Vending" pada masa kini menerima botol plastik dan tin aluminium untuk dikitar semula.

"Orang ramai perlu membuat pendaftaran terlebih dahulu di mesin tersebut dengan menggunakan kad pengenalan bagi tujuan perekodan hasil kitar semula. Ini kerana setiap barangan yang dikitar semula menggunakan mesin tersebut akan diberikan mata untuk penubuhan barangan atau baucar sebagai ganjaran kitar semula" katanya.

Tambah beliau, MBSJ juga turut memperluaskan lagi inisiatif kitar semula dengan mewujudkan Depoh Mini dan Transit Minyak Masak Terpakai di Pusat Biomass Bersepadu MBSJ yang terletak di Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong, Puchong, Selangor.

"Orang ramai dijemput untuk mengumpul minyak masak terpakai dan dibawa ke Pusat Biomass untuk ditukar dengan ganjaran wang tunai. Namun, terdapat beberapa syarat yang ditetapkan untuk mereka iaitu minyak masak tersebut tidak boleh

DEPOH MINI DAN TRANSIT MINYAK MASAK TERPAKAI MBSJ

LOKASI: Pusat Biomass Bersepadu MBSJ, Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong, 47100 Puchong, Selangor.

HARI: Setiap Hari kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum

HARGA BELIAN: RM0.80/kg

CARA:

1. Masukkan minyak masak terpakai ke dalam botol.
2. Masukkan botol ke dalam mesin.
3. Tunggu.
4. Dapatkan bayaran.

SYARAT:

1. Minyak masak semestinya untuk masak.
2. Pembelian minimum 1kg.
3. Pastikan minyak masak dalam keadaan sejuk.

RANTAIAN EKONOMI MINYAK MASAK

Minyak masak terpakai dikumpulkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan diserahkan kepada MBSJ. MBSJ akan mengumpul minyak masak terpakai dan membawanya ke Pusat Biomass Bersepadu MBSJ. Di Pusat Biomass Bersepadu MBSJ, minyak masak terpakai akan diproses dan dikitar semula. Hasil daripada proses ini, MBSJ akan memberikan ganjaran wang tunai kepada orang ramai yang menyumbangkan minyak masak terpakai.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR
Encik Muhammad Ammirunnaqib
0380264367

Puan Suzana
0380264366

dicampur dengan air, ganjaran hanya akan diberikan sekiranya minyak masak melebihi 1kg, serta memastikan minyak tersebut dalam keadaan sejuk. MBSJ akan membayar sebanyak RM0.80 bagi setiap 1kg minyak masak terpakai," katanya.

Orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kedua-dua inisiatif ini, boleh menghubungi:

Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ:

- a) Encik Muhammad Ammirunnaqib (03-80264367)
- b) Puan Suzana (03-80264366)

atau layari laman sesawang MBSJ www.mbsj.gov.my / media sosial rasmi MBSJ untuk keterangan lanjut.



MESIN KITAR SEMULA
Majlis Bandaraya Subang Jaya

MBSJ Iktiraf Jasa Komuniti, ANJUR ANUGERAH SUBANG JAYA GEMILANG BERSAMA (ASJGB) 2020/2021



Kejayaan Perbandaran Subang Jaya dinaiktaraf menjadi Bandaraya bukan dicapai dengan sendirinya, bahkan ianya terbina hasil kerjasama yang erat di antara Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan komuniti setempat.

Encik Azfarizal bin Abd Rashid, Timbalan Pengarah Korporat MBSJ memaklumkan, sebagai menghargai jasa komuniti yang terlibat dalam penyertaan awam dalam usaha menjadikan Bandaraya Subang Jaya antara penempatan manusia terbaik dan mampan bertaraf dunia, MBSJ telah menganjurkan Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama (ASJGB) 2020/2021 pada tahun ini.

"Pengiktirafan ke atas inisiatif-inisiatif awam ini adalah merupakan terjemahan 'perkongsian wawasan bandar untuk semua' yang akan membantu melonjakkan identiti Subang Jaya sebagai 'Bandaraya Smart Vibrant' dengan realiti sebagai sebuah bandaraya yang hidup (*lively*), bersemangat (*high spirit*), bertenaga (*energetic*), mesra (*friendly*), hijau (*green*) dan pintar (*smart*)," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kategori yang dipertandingkan, beliau memaklumkan terdapat 7 kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Selamat, Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Hijau, Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Pintar, Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sihat, Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sejahtera, Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Bebas Halangan Mesra Wanita dan Anugerah Terbaik Inisiatif Kreatif dan Inovatif.

Tambah beliau lagi, penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua Agensi Kerajaan, Agensi Swasta



ANUGERAH SUBANG JAYA
GEMILANG BERSAMA 20/21



MBSJ
GEMILANG BERSAMA

PANGGILAN UNTUK PENCALONAN

ANUGERAH SUBANG JAYA GEMILANG BERSAMA 2020/2021

Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama 2020/2021 adalah merupakan pengiktirafan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kepada komuniti yang terlibat dalam penyertaan awam dalam usaha menjadikan Bandaraya Subang Jaya antara penempatan manusia terbaik dan mampan bertaraf dunia.

Pengiktirafan ke atas inisiatif-inisiatif awam ini adalah merupakan terjemahan 'perkongsian wawasan bandar untuk semua' yang akan membantu melonjakkan identiti Subang Jaya sebagai 'Bandaraya Smart Vibrant' dengan realiti sebagai sebuah bandaraya yang hidup (*lively*), bersemangat (*high spirit*), bertenaga (*energetic*), mesra (*friendly*), hijau (*green*) dan pintar (*smart*).

KATEGORI ANUGERAH

 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Selamat	 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sejahtera
 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Hijau	 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Sihat
 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Pintar	 Anugerah Terbaik Inisiatif Bandar Makmur
 Anugerah Terbaik Inisiatif Kreatif dan Inovatif	

SYARAT PENYERTAAN

TEMA
Bandaraya Mampan yang Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman

LOKASI PROJEK
Projek mesti terletak di dalam kawasan pentadbiran Bandaraya Subang Jaya

STATUS PROJEK
Projek yang telah disiapkan samada keseluruhannya atau berfasa. Tempoh projek tidak melebihi 3 tahun.

KEBOLEHCAPAIAN PROJEK
Projek mesti dapat diakses oleh orang ramai dan memberikan faedah bagi masyarakat setempat.

NILAI PROJEK
Projek mestilah mempunyai nilai pembelajaran, strategi, dan teknik yang dapat direplikasi dan diadaptasi oleh pihak lain.

SIAPA YANG BOLEH MENYERTAII?



Agensi Kerajaan



Pihak Awam
Orang Awam, Persatuan Penduduk, NGO, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), dll.



Agensi Swasta
Pemaju, Premis Komersial/ Business Community, dll.



Institusi Pendidikan
Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Sekolah.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN - 31 OGOS 2021

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi pihak sekretariat:

 JABATAN KORPORAT DAN PENGUSUSAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya.	En Mohd Hafiz Bin Sharif hafiz.sharif@mbsj.gov.my 03-8026 3125 / 019 223 0361
	En Zamir Umbara Bin Shahimi zamir.umbara@mbsj.gov.my 03-8026 4464 / 012 657 7527
	En Mohd Shahuddin Bin Baharom mohd.shahuddin@mbsj.gov.my 03-8026 3204 / 017 303 7123

Majlis Bandaraya Subang Jaya
spcitycouncil
majlisbandarayasubangjaya
spcitycouncil

www.mbsj.gov.my

(Pemaju, Premis Komersial/Business Community), Institusi Pendidikan (IPTA, IPTS, Sekolah) dan Pihak Awam (Orang Awam, Persatuan Penduduk, NGO, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), dan lain-lain) di bawah pentadbiran MBSJ dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Ogos 2021.

Untuk mengetahui syarat pertandingan serta memuat turun borang pencalonan

ASJGB 2020/2021, orang ramai boleh melayari media sosial rasmi MBSJ atau melayari laman sesawang MBSJ www.mbsj.gov.my untuk keterangan lanjut.





PERKHIDMATAN SAMPAH PUKAL BERBAYAR

NAK BUANG SAMPAH PUKAL? MUDAH SAJA.



APA ITU SAMPAH PUKAL?

- Perabot lama/rosak
- Alat elektrik lama/rosak

DI MANA SAMPAH PUKAL TERSEBUT?

- Rumah teres (landed houses)



MENGAPA PERKHIDMATAN INI PERLU DIBAYAR?

- Sampah ini tidak termasuk dalam skop kerja kutipan Kontraktor
- Kuantiti dan saiz sampah pukal memerlukan lori dan kakitangan tambahan

SIAPA YANG AKAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN?

- Perkhidmatan oleh kakitangan MBSJ
- Jabatan Pengurusan Alam Sekitar



BAGAIMANA UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN?



Telefon nombor yang disenaraikan di bawah



Maklumkan anda memerlukan perkhidmatan kutipan sampah pukal



Berikan butiran anda (Nama, Alamat, No. Telefon dan jenis sampah pukal)



Anda akan dihubungi oleh kakitangan Majlis yang ditugaskan dan sampah pukal akan diangkat



Membuat bayaran mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Majlis



Dapatkan resit/bukti pembayaran

KADAR HARGA

Caj Minimum	RM30
Muatan 1/3 Lori	RM50
Muatan 1/2 Lori	RM100
Muatan 1 Lori	RM150



PERINGATAN!

SISA BINAAN DAN BARANGAN KITAR SEMULA TIDAK TERMASUK DALAM PERKHIDMATAN INI

HUBUNGI KAMI

Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
03 8026 7433 / 4363 / 7431 / 3182

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.